

26

SURAT PEKELILING ICT NO. 5/2008

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri

KEPADA: Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen dan Pegawai Daerah
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

PERKARA: Polisi Keselamatan ICT Negeri Sarawak – Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer (Network Security Management)

RUJ. KAMI: JKM/ICT/ADM04/004 Vol. 1 (26)

TARIKH: 17 November 2008

1. TUJUAN

1.1 Polisi Keselamatan ICT Negeri Sarawak – Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer dihasilkan dengan tujuan untuk memaklumkan peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi dalam usaha menjaga dan memelihara keselamatan rangkaian komputer di Negeri Sarawak. Dengan adanya polisi ini adalah diharapkan tahap keselamatan ICT dapat dipertingkatkan.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Menyedari pentingnya usaha-usaha menjamin keselamatan ICT, Kerajaan Negeri Sarawak telah mengambil inisiatif untuk menghasilkan Polisi Keselamatan ICT yang menitikberatkan ciri-ciri keselamatan yang meliputi domain Keselamatan ICT yang berbeza secara menyeluruh. Polisi Keselamatan ICT telah digubal berpandukan kepada prinsip-prinsip keselamatan ICT yang kukuh, tanggungjawab terhadap keselamatan maklumat dan kesedaran terhadap ancaman serta langkah-langkah peningkatan tahap keselamatan ICT.

- 2.2 Pelaksanaan domain Keselamatan ICT ini juga dijalankan secara berperingkat. Dalam tahun 2006, polisi **Pengurusan Keselamatan Komputer Peribadi** telahpun dikuatkuasa pada 6 Disember 2006 melalui Surat Pekeliling No.1/2006.
- 2.3 Seterusnya domain yang kedua iaitu **Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer**; di mana ianya bertujuan memastikan keselamatan rangkaian komputer di Negeri Sarawak sentiasa dilindungi daripada serangan dan ancaman dari luar mahupun dalam rangkaian. Kerajaan Negeri mempunyai satu infrastruktur rangkaian komputer komprehensif yang mempunyai tidak kurang daripada 345 lokasi menghubungi semua agensi Kerajaan Negeri dari peringkat ibupejabat hingga ke pejabat daerah kecil menggunakan teknologi telekomunikasi yang berbeza.
- 2.4 Polisi ini mengenalpasti kaedah-kaedah dan amalan yang perlu dipatuhi dalam penggunaan komputer dalam kerja seharian serta memastikan tahap keselamatan rangkaian komputer di Negeri ini sentiasa terpelihara. Kegagalan mematuhi polisi keselamatan tersebut boleh menjadi salah satu saluran oleh pihak yang tidak berkenaan atau tidak berkepentingan memasuki atau mencero boh ke dalam sistem komputer agensi Kerajaan dengan mudah.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer adalah:

- (a) Menimbulkan kesedaran dan memupuk rasa tanggungjawab setiap individu akan kepentingan mengamalkan dan menitikberatkan keselamatan rangkaian komputer dalam kerja seharian;
- (b) Memastikan kelancaran operasi Kerajaan secara berterusan, meminimumkan pencerobohan rangkaian serta data yang terkandung di dalamnya melalui usaha pencegahan atau usaha mengurangkan kesan kejadian yang tidak diingini;
- (c) Mencegah salahguna atau mengurangkan risiko kehilangan dan modifikasi data milik Kerajaan.


4. PENGGUNAAN POLISI

- 4.1 Polisi Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer akan disediakan secara dalam talian (*online*) di SarawakNet www.sarawaknet.gov.my dan Portal Keselamatan ICT yang boleh dicapai melalui Laman Web Unit ICT www.ictu.sarawak.gov.my.
- 4.2 Semua agensi Kerajaan Negeri adalah dikehendaki menggunakan polisi ini. Pematuhan Audit (*Compliance Audit*) akan dilaksanakan di agensi-agensi yang terpilih untuk memastikan polisi ini digunakan dan dipatuhi dari semasa ke semasa.
- 4.3 Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Surat Pekeliling ini serta maklum balas mengenai Polisi Pengurusan Keselamatan Rangkaian Komputer ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut di Unit ICT, Jabatan Ketua Menteri:
- a. Pn. Grace Huong, email: grace@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-492758
 - b. Pn. Azlynda Jawawi, email: azlyndaj@sarawaknet.gov.my atau tel.: 082-492851

5. TARIKH KUATKUASA

- 5.1 Surat Pekeliling ini berkuatkuasa tarikh ia dikeluarkan.
- Sekian, harap maklum.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"



(DATUK AMAR WILSON BAYA DANDOT)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Sarawak